A ***Klik kotak*** bagi kata bantu yang betul.

1 Pokok bunga di halaman rumah Hidayu kelihatan layu kerana _____ disiram.
- belum ☐
- sudah ☐

2 Program motivasi itu _____ bermula pada cuti sekolah bulan hadapan.
- pernah ☐
- akan ☐

3 Adik _____ lena di dalam buaian ketika ayah pulang dari pejabat.
- sedang ☐
- belum ☐

4 Abang _____ membawa kami ke perpustakaan awam yang terletak di bandar.
- masih ☐
- pernah ☐

5 Kejadian yang mencemaskan itu _____ segar dalam ingatan kami.
- telah ☐
- masih ☐

6 Kucing itu sudah _____ masuk ke dalam rumah setelah pintu dibuka.
- boleh ☐
- mesti ☐

7 Kita perlu berlatih dengan bersungguh-sungguh jika _____ berjaya dalam perlawanan itu.
- harus ☐
- hendak ☐

8 Semua peserta lawatan _____ berkumpul di dewan 20 minit lebih awal.
- dapat ☐
- harus ☐

LIVEWORKSHEETS